

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	18 August 2015



NAJIB TUN RAZAK bersalaman dan mengucapkan selamat jalan kepada jemaah haji di Kompleks Tabung Haji di Kelana Jaya dekat Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/NASIRRUDDIN YAZID

Jaga nama baik negara - PM ^{UM} 18/8/2015

KUALA LUMPUR 17 Ogos - Seluruh jemaah haji diingatkan agar menjaga nama baik negara dengan menjauhi segala anasir tidak sihat yang boleh menjejaskan hubungan baik antara Malaysia dan Arab Saudi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang hadir mengucapkan selamat jalan kepada 279 jemaah haji negara berkata, selain beribadat mereka perlu mematuhi peraturan sepanjang berada di tanah suci.

Selain itu, beliau turut meminta kepada semua jemaah haji agar sama-sama mendoakan kesejahteraan dan keamanan Malaysia sentiasa berkekalan supaya nikmat tersebut dapat diwarisi generasi seterusnya.

"Gunakanlah kesempatan menjadi tetamu Allah sebaik-baiknya. Elakkan perkara tidak berfaedah

yang boleh mengganggu tumpuan kita. Penuhi masa memperbanyakkan ibadat dengan bermunajat kepada Allah.

"Para jemaah juga harus bersedia dalam semua aspek terutama dari segi kesihatan mental, fizikal dan spiritual," katanya ketika berucap di Kompleks Tabung Haji di Kelana Jaya di sini hari ini.

Yang turut hadir isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan Timbalannya, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki; Pengerusi Tabung Haji, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim dan Duta Arab Saudi di Malaysia, Datuk Fahad Abdullah Hamad Al-Rashid.

Seramai 279 jemaah itu merupakan kumpulan keenam jemaah haji Malaysia daripada keseluruhan 22,320 orang yang akan dibawa

menerusi 64 penerbangan menggunakan pesawat Malaysia Airlines (MAS) dan Saudi Arabian Airlines.

Penerbangan terakhir jemaah haji Malaysia ke Tanah Suci Mekah pada tahun ini adalah pada 16 September nanti manakala penerbangan pulang jemaah dijadualkan bermula 29 September hingga 27 Oktober depan.

Dalam perkembangan berkaitan, Najib meminta seluruh umat Islam di Malaysia mengambil iktibar daripada ibadah haji dengan bersatu hati dan bukannya melihat kepada perbezaan yang akhirnya hanya memecahbelahkan ummah.

"Umat Islam di Malaysia harus bersyukur kerana hidup dalam suasana aman damai dan dapat melaksanakan amal ibadat tanpa halangan kerana semua kaum bebas mempraktikkan amalan agama dan budaya masing-masing," katanya.